

16/01/2003

BN yakin tawan Kelantan: PM (HL)

Kadir Dikoh; Veena Rusli

KOTA BHARU: Barisan Nasional (BN) yakin dapat merampas kembali Kelantan yang dikuasai Pas sejak 13 tahun lalu pada pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berjanji Umno yang menerajui BN, akan mengubah bentuk pembangunan di negeri ini yang masih mundur jika rakyat Kelantan mengetepikan Pas dan memberi BN mandat untuk memerintah negeri ini.

"Saya janji Umno akan berubah, kepemimpinan Umno juga akan berubah," katanya sambil menerima tepukan gemuruh lebih 20,000 hadirin pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di padang Maktab Sultan Ismail di Jalan Telipot di sini, petang semalam.

Orang ramai mula berkumpul di situ sejak jam 3 petang meskipun dalam keadaan hujan lebat. Bagaimanapun, kira-kira 30 minit sebelum ketibaan Dr Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, hujan mula reda.

Sepanduk dan kain rentang dinaikkan yang antara lain berbunyi: 'Impian Rakyat Kelantan BN Menang - Semoga Allah Rahmati Impian Ini' dan 'Terima Kasih Che Det (Dr Mahathir)'.

Hadir sama Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob yang juga Setiausaha Agung Umno; Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed; Timbalan Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa dan Pengerusi Jawatankuasa Perhimpunan, Datuk Paduka Ibrahim Ali.

Dalam ucapan selama sejam, Presiden Umno itu juga berjanji akan memberi tempat kepada pemimpin Umno peringkat negeri yang betul-betul ikhlas dalam agenda untuk menewaskan Pas.

Namun, katanya, kenyataan itu bukan bermaksud pemimpin lama di negeri ini tidak ikhlas.

"Mereka ikhlas juga (tetapi) kita dapati ada perkara tertentu mereka tak nak. Kita nak cari kemenangan di sini... jadi jangan bawa malapetaka kepada diri kita. Jangan membenci, ikut nafsu, undi orang tu (Pas), kita dapat hantu. Kita akan ubah keadaan negeri Kelantan ini.

"Sedih sampai Kelantan tak berubah, bahkan lebih buruk, kotor, air pun tak boleh minum... tolonglah jangan bagi peluang sekali lagi," katanya yang sekali lagi menerima laungan 'Hidup Barisan.'

Pada sidang akhbaranya pula, Dr Mahathir yang diminta mengulas lanjut sama ada BN benar-benar yakin dapat merampas Kelantan, Dr Mahathir berkata: "Insya-Allah, akan usahakan."

Katanya, memang menjadi hasrat BN dan Umno untuk menukar kepemimpinan Kelantan daripada Pas.

Beliau berkata, sudah lebih 10 tahun rakyat Kelantan menjadi mangsa Pas dan tidak ada pembangunan dilakukan, sedangkan parti itu membuat pelbagai janji, malah apa yang dilakukan Kerajaan Pusat didakwa dilakukan kerajaan Pas.

Ditanya apakah janji BN kepada rakyat Kelantan jika ia berjaya merampas kembali kuasa, beliau yang juga Pengerusi BN berkata: "Kita tengoklah negeri yang diperintah BN, apa yang jadi.

Contohnya Selangor, dunia kagum dengan Selangor hingga mendakwa bahawa selama ni mereka anggap Malaysia adalah negara maju, bukan negara membangun."

Mengenai sama ada usaha menawan Kelantan itu akan juga menjadi agenda peribadinya sebelum bersara Oktober ini, Perdana Menteri berkata, ia bukan

soalnya tetapi "nak tawan Kelantan, kita tawan jugalah".

"I wont give up (saya tidak menyerah kalah), kita tak give up, tak pernah give up," katanya.

Mengenai pelawaan Pas kepada DAP untuk bekerjasama menentang BN pada pilihan raya umum nanti, beliau berkata, ia adalah satu pakatan orang jahat.

"Yalah dia kata konon bila kerjasama tak usah kiralah tentang dasar. Itu pakatan orang jahat macam itulah. Dia kata tak apa, bila dapat kita ambiklah hak kita. Yang ini tak ada ikhlas langsung. Kita tak boleh berjuang dengan tidak ada matlamat yang sama," katanya.

Dalam ucapannya terdahulu, Dr Mahathir berkata, masyarakat Islam akan terus ditindas selagi mereka bersengketa sesama sendiri sehingga sanggup memfitnah serta menjatuhkan kerajaan yang diterajui pemimpin Islam, kononnya itu adalah perjuangan Islam.

Katanya, ada perjuangan sesetengah umat Islam itu dibuat secara membabi buta untuk melepaskan geram dan benci kerana mahu merebut kuasa untuk diri sendiri.

Beliau berkata, mereka harus melihat apa yang berlaku di Iraq, Palestin dan Bosnia dan ini kerana ketidakupayaan dunia Islam sehingga sesetengahnya takut kepada kuasa besar kerana berhutang dengan mereka.

Di negara ini katanya, Umno adalah parti yang benar-benar berjuang untuk Islam, bukan Pas.

"Kalau dia (Pas) betul-betul nak berjuang untuk agama Islam, seruan adalah untuk menyatukan orang Islam tetapi dia tak buat. Yang buat ialah Umno. Inilah Umno, pejuang agama Islam yang diiktiraf seluruh dunia.

"Malaysia negara contoh kepada negara Islam. Jangan khuatir... Umno berjuang untuk agama Islam dan menjadi tanggungjawab orang Islam semua menyokong Umno jika pegang kepada agama Islam," katanya.